



“DOKUMENTARI SUMPAHAN BAN PECAH”

“DOCUMENTARY THE CURSE BAN PECAH”

Norizah Aripin¹, Nurshafizah Suhairi²

¹ Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

Email: noryzah@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

Email: shafizah14@gmail.com

Article Info:

Article history:

Received date: 10.09.2019

Revised date: 10.09.2019

Accepted date: 26.02.2020

Published date: 10.03.2020

To cite this document:

Aripin, N., & Suhairi, N. (2020). “Dokumentari Sumpahan Ban Pecah”. International Journal of Law, Government and Communication, 5 (18), 43-56.

DOI: 10.35631/IJLGC.518005.

Abstrak:

Kajian ini memfokuskan penerbitan dokumentari yang bertajuk “Sumpahan Ban Pecah” bagi menjawab beberapa permasalahan berkaitan tragedi dan pandangan masyarakat tentang sumpahan yang berlaku ke atas Kampung Sungai Baharu dan sekitarnya. Secara umumnya, dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” berunsur sejarah dan mitos tentang kewujudan “Ban Pecah” yang menimbulkan tanda tanya kewujudannya kawasan ini. Sejarah sumpahan yang berlaku adalah suatu perkara yang tidak ramai tahu dan kisah anak yatim yang telah dikhianati oleh bapa saudara sendiri disebabkan harta. Sehubungan itu, dokumentari ini diterbitkan selama 10 minit untuk memaparkan sejarah dan pembangunan “Ban Pecah” di Tanjung Piandang, Perak. Penerbitan dokumentari ini dilakukan terlebih dahulu dengan mengadakan temubual dengan beberapa orang penduduk kampung tersebut. Pemerhatian juga dilakukan di kawasan berkenaan untuk mendapatkan maklumat sebelum penggambaran dilakukan di kawasan berkenaan. Penerbitan video ini dimuatnaik dalam “YouTube Sintok Media” untuk tatapan umum. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa tempat ini telah mula dimajukan malahan, berkaitan dengan kisah di sebalik nama “Ban Pecah” dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat dan boleh dijadikan iktibar pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Dokumentari, “Sumpahan Ban Pecah”, “YouTube Sintok Media”

Abstract:

The study focused on the publication of a documentary entitled “The Curse of Ban Pecah” to address some of the concerns of the tragedy and public opinion on the devastation that has occurred over Kampung Sungai Baharu and the surrounding area. In general, the documentary “The Curse of Ban Pecah” is historical and mythical about the existence of “The Curse of Ban Pecah” which

raises the question of its existence. The history of the curse is a matter of ignorance and the story of orphans who have been betrayed by their uncles because of their wealth. In this regard, the documentary was produced for 10 minutes showing the history and development of the “Ban Pecah” in Tanjung Piandang, Perak. The publication of the documentary was conducted in advance of interviews with some of the villagers. Observations are also made in the area for information before filming in the area. The production of this video was uploaded on “YouTube Sintok Media” for public viewing. Overall, the study shows that this place has begun to develop and, in addition to the story behind the name "Ban Pecah", can provide lessons for the community and can be taught in the future.

Keywords:

Documentary, “The Curse of Ban Pecah”, “YouTube Sintok Media”

Pendahuluan

Kajian ini memfokuskan kepada dokumentari yang bertajuk “Sumpahan Ban Pecah”. Dokumentari ini diterbitkan bagi menjawab beberapa permasalahan berkaitan tragedi dan pandangan masyarakat tentang sumpahan yang berlaku ke atas Kampung Sungai Baharu dan sekitarnya. Secara umumnya, dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” berunsur sejarah dan mitos tentang kewujudan “Ban Pecah” yang menimbulkan tanda tanya kewujudannya kawasan ini. Sejarah sumpahan yang berlaku adalah suatu perkara yang tidak ramai tahu dan kisah anak yatim yang telah dikhianati oleh bapa saudara sendiri kerana perebutan harta benda. Namun kini, “Ban Pecah” semakin menjadi tarikan kepada orang ramai untuk aktiviti riadah dan sebagainya kerana kawasan ini sangat cantik dan sesuai untuk aktiviti keluarga. Oleh yang demikian, plot serta jalan cerita yang diselitkan menampilkkan ulasan sejarah dan temubual yang diketengahkan dalam dokumentari ini supaya masyarakat mendapat input daripada setiap plot yang mereka tontoni. Namun, penghasilan dan penilaian sebuah dokumentari perlu lebih praktikal tanpa menyempitkan skop serta teknik pengolahan jalan cerita dalam membawa mesej sejarah asal usul nama “Ban Pecah” kepada masyarakat. Proses mempelbagaikan metod dan kaedah yang lebih sesuai dengan situasi serta permasalahan masyarakat serta aplikasi teknik sinematografi yang baik mampu menarik minat masyarakat untuk menonton. Aspek-aspek ini perlu diaplikasi dalam dokumentari-dokumentari untuk menjadikannya lebih berkualiti. Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan kepada tiga plot jalan cerita iaitu dimulai dengan menyingkap sejarah di manakah kejadian ini berlaku, pertengahan pula diceritakan sejarah tentang sumpahan yang telah berlaku sehingga tercetusnya nama “Ban Pecah” dan penutup memuatkan tarikan yang terdapat di “Ban Pecah” sehingga kawasan ini menjadi tumpuan kepada orang ramai. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah menerbitkan dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” berdurasi 10 minit.

Sorotan Karya

Konsep Dokumentari

Dokumentari berakar umbi daripada perkataan “dokument” yang berasal daripada perkataan “Latin docere” bermaksud untuk mengajar. Dokumentari bermaksud satu pembelajaran, teguran dan amaran (Oxford, 2000). Roy Paul Madsen (1973:317-318) dalam bukunya “The Impact of Film” telah mendefinisikan dokumentari sebagai filem yang mempunyai unsur pembujukan secara jujur, isi kandungan yang objektif dan teknik sinematografi yang bersifat kandid, tetapi mampu mendapatkan sokongan penonton terhadap perubahan politik, sosial dan ekonomi. Manakala Broderick (2018) mentakrifkan dokumentari program filem atau televisyen yang menunjukkan cerita atau situasi dengan jujur dengan olahan kebenaran cerita

secara kreatif. Dokumentari yang diterbitkan mengandungi elemen pendidikan dan menceritakan kisah yang benar (Bernard, 2016). Dokumentari boleh menjadi bentuk yang lucu, memilukan, ironis, inspirasi, mengejutkan atau gabungan bentuk lain (Dekstop Documentaries, 2020). Penghasilan dokumentari memerlukan penyelidikan dan kajian yang mendalam sebelum melakukan kerja produksi (Gifreu, 2011). Pearce (2016) menyatakan penerbitan dokumentari dalam dunia digital berubah ke arah perniagaan digital dari segi penstrukturkan kandungan digitalnya kerana penceritaan dalam dokumentari ini mengambil kira konsep pemasaran digital.

“Ban Pecah”

Nama “Ban Pecah” ini diambil sempena suatu tragedi yang mana “ban” atau benteng yang memisahkan laut dan kawasan penduduk telah pecah. Tidak terdapat makna khusus dalam Kamus Dewan ataupun dalam Bahasa Melayu tetapi loghat bagi negeri di bahagian Utara mengistilahkan “ban” sebagai batas yang memisahkan antara sawah padi atau bahasa mudahnya adalah sempadan. “Ban” juga bermaksud ombak pantai berpecah sehingga merosakkan kawasan. Menurut informan yang ditemubual iaitu Puan Hajah Hamsah, nama “Ban Pecah” bermaksud sempadan dan kawasan antara sawah padi telah pecah dipukul ombak (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Kisah Sumpahan Anak Yatim

Menurut penduduk Kampung Sungai Baharu pada ketika itu iaitu Masjuri Anang, bekas imam kampung tersebut melalui tulisan di Tanjung Piandang, kejadian ini berlaku apabila dua orang adik beradik yang kaya dan mempunyai banyak harga dari segi tanah. Namun begitu, salah seorang adik beradik yang kaya itu, yakni anak sulung telah meninggal dunia dan meninggalkan dua orang anak beserta harta miliknya. Oleh kerana anak-anaknya masih kecil, beliau telah mengamanahkan harta dan anak-anaknya kepada adiknya itu. Akan tetapi satu kejadian telah berlaku pada akhirnya iaitu sumpahan yang diungkap oleh anak-anak yatim tersebut kepada bapa saudara mereka (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Kolam Udang punca bencana

Kolam udang adalah kawasan yang menjadi tempat pemeliharaan udang. Menurut informan yang ditemubual iaitu Encik Mohamad Nor, kejadian ini disebabkan oleh kelulusan pihak kerajaan membuat kolam udang. Lambakan kolam udang serta kemajuan dan pembangunan yang tidak terkawal telah menyebabkan bencana ini berlaku sekaligus menunjukkan kekuasaan Allah tentang kerakusan manusia. Tiada tercatat di dalam mana-mana laman web tentang kejadian berkaitan dengan kolam udang (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Pintu Air

Pintu air bermaksud pengempang air yang dapat dinaikkan dan diturunkan. Fungsi utama pintu air adalah untuk mengawal pengaliran air keluar masuk dan mengawal simpanan *air* untuk aktiviti pengairan kawasan pertanian. Pintu air yang terdapat di “Ban Pecah” kini telah berada di tengah-tengah air laut “Ban Pecah” (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Mee Udang Parit 30 Pilihan Pengunjung

Dipetik dari artikel Utusan Online (Julai 2016), restoran Mee Udang Parit 30 menjadi tumpuan pengunjung pada hari cuti. Antara harga makanan yang dinyatakan ialah Mee Udang Biasa (RM 4.50), Mee Udang *Special* (RM 15.00), Mee Ketam (Harga mengikut saiz), Mee Siput Biasa (RM 9.00) dan Mee Siput *Special* (RM 15.00).

Syurga Para Pemancing

“Ban Pecah” merupakan lokasi memancing yang popular di Daerah Kerian. Terdapat banyak spesis ikan di sini yang boleh dinaikkan antara Siakap, Pari, Jenahak, Siakap Merah (MJ), Senangin, Semilang, beberapa jenis ikan Gelama dan juga ikan Kerapu. Ramai para pemancing yang datang dari serata kawasan datang untuk merasai sendiri keseronokan memancing di “Ban Pecah” (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Pantai Buatan

Kebanyakan orang menggelar kawasan tarikan tersebut sebagai pantai buatan. Pantai buatan biasanya terjadi apabila sesebuah pembangunan ingin dibangunkan. Akan tetapi, menurut Jabatan Pengaliran Air dan Saliran Bagan Serai, pantai di kawasan “Ban Pecah” terjadi kerana runtuhannya pembangunan sebelumnya yang telah mendap sehingga kawasan ini terbentuk menjadi pantai dan menjadi kawasan tarikan oleh orang ramai (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Bongkah Batu


Bongkah batu adalah satu inisiatif kerajaan bagi mengatasi masalah banjir dan ombak yang kuat di kawasan “Ban Pecah”. Bongkah batu ini juga dijadikan satu alat untuk mencengakam tanah supaya tanah tidak runtuh ataupun pecah. Jabatan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian menerangkan bongkah batu ini dimampatkan dengan simen yang berkualiti tinggi supaya tidak mudah dihakis oleh air laut (Nurshafizah Suhairi, 2018).

Pengurusan Produksi

Pra Produksi


Di peringkat ini, terdapat pelbagai peringkat perkembangan kajian ini. Antaranya adalah konsep “logline” dokumentari, sinopsis, tinjauan jarak jauh, “treatment”, skrip audio visual, papan cerita, “running order program”, bajet produksi, jadual pelaksanaan dan durasi masa pelaksanaan penerbitan video ini. Berikut adalah contoh papan cerita bagi penerbitan dokumentari ini:

Jadual 1: Papan Cerita Penerbitan Dokumentari “Sumpahan Ban Pecah”

<i>SCENE</i>	<i>DETAIL</i>
1 	<i>COLOR BAR</i>
2	<i>SLIP TITTLE</i>

	<p>Genre : Dokumentari Tajuk : Sumpahan Ban Pecah Durasi : Klient : Sintok TV Produksi : Fz Production</p>	
3		<i>PRODUCTION LOGO</i>
4		<i>COUNTDOWN</i>
5		<i>TITLE</i>
6		<ul style="list-style-type: none">• <i>Establish shot</i>• Kawasan sawah padi yang mendamaikan• <i>Detail:</i> Permulaan kepada sumpahan


	
7 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i> • Seorang pengacara sedang mengulas tentang apa itu sumpahan • <i>Detail:</i> Permulaan kepada sumpahan
8 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Full shot</i> • Pengacara mengulas dengan lebih mendalam tentang kisah yang dikemukakan • <i>Detail:</i> Permulaan kepada sumpahan
9 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Full shot</i> • Seorang pengacara sedang mengulas tentang perincian sumpahan yang berlaku di kawasan "Ban Pecah" • <i>Detail:</i> Perincian kisah sumpahan
10 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> • Tempat nelayan menampakkan sampan berdekatan dengan kawasan aliran pantai • <i>Detail:</i> Perincian kisah sumpahan
11	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i>

	<ul style="list-style-type: none"> • Pengacara masih mengulas tentang sumpahan ini, adakah boleh dijadikan iktibar? • <i>Detail:</i> Perincian kisah sumpahan
12 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> • Melalui kawasan Jalan Gula untuk tiba di lokasi “Ban Pecah” • <i>Detail:</i> Jalan menuju ke kawasan “Ban Pecah” iaitu kawasan projek.
13 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> • Melalui kawasan pokok kelapa sawit yang agak lama untuk tiba di kawasan “Ban Pecah” • <i>Detail:</i> Perjalan ke kawasan “Ban Pecah”
14 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Full shot</i> • Melalui sebuah jambatan yang menghubungkan Kuala Gula dengan Kuala Kurau <i>Detail:</i> Perjalan ke kawasan “Ban Pecah”
15 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Insert Picture</i> • Peta dari tol kekawasan “Ban Pecah” • <i>Detail:</i> Perjalanan ke kawasan “Ban Pecah”
16	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i>

	<ul style="list-style-type: none"> • Temuramah bersama ketua kampung mengenai kisah yang diketahui. • <i>Detail:</i> Perincian kisah sumpahan
17 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> dan <i>Insert video</i> • Kawasan yang terdahulunya adalah kawasan pokok api-api • <i>Detail:</i> Perincian sebelum terjadinya bencana di Kampung Sungai Baharu
18 	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik <i>green screen</i> • Kisah bagaimana air laut yang kuat telah menenggelamkan sebahagian besar kawasan sawah padi di Kampung Sungai Baharu • <i>Detail:</i> Perincian semasa terjadinya bencana di Kampung Sungai Baharu
19 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> • Kawasan sawah padi yang subur iaitu lebih kurang 400 hektar. • <i>Detail:</i> Imbas kembali kisah sebelum kejadian “Ban Pecah”.
20	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i> • Penduduk kampung sedang menceritakan kisah semasa

	<p>berlakunya kejadian dahsyat tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Detail:</i> Perincian kisah bagaimana bermulanya kejadian.
<p>21</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> dan penggunaan teknik <i>slide</i> gambar • Kisah anak dua orang anak yatim dan bapa saudara mereka yang tidak amanah serta balasan yang ditimpakan. • <i>Detail:</i> Jalan cerita kisah sumpahan anak yatim
<p>22</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i> • Salah seorang penduduk kampung menceritakan kisah yang berlaku pada 1960-an • <i>Detail:</i> Perincian kisah sumpahan
<p>23</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium Full shot</i> • Tepi kawsan yang telah dibangunkan oleh kerajaan • <i>Detail:</i> Kesimpulan kepada kisah anak yatim yang boleh dijadikan iktibar
<p>24</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Dolly shot</i> • Agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam memastikan kawsan "Ban Pecah" dinaiktaraf bagi mengatasi masalah ombak yang kuat. • <i>Detail:</i> Pembangunan di kawasan "Ban Pecah".
<p>25</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medium shot</i> • Pegawai daripada agensi kerajaan iaitu IADA Kerian

	<p>yang bertanggungjawab sepenuhnya menyiapkan projek pembangunan di “Ban Pecah”</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Detail:</i> Pembangunan di kawasan “Ban Pecah”.
26 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Extremely Full shot</i> • Kawasan pantai yang menjadi tarikan pengunjung khususnya kanak-kanak • <i>Detail:</i> Pembangunan di kawasan “Ban Pecah”
27 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Full shot</i> • Kawasan pantai yang menjual makanan kepada pengunjung • <i>Detail:</i> Pembangunan di kawasan “Ban Pecah”.
28 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Extremely Full shot</i> • Kedai makan mi udang yang menjadi tarikan orang ramai seringkali tak putus dengan kunjungan orang luar terutamanya sekali sewaktu hujung minggu • <i>Detail:</i> Tarikan di kawasan “Ban Pecah”
29 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Extremely Full shot</i> • Kawasan pantai yang menjadi tarikan kepada kaki pancing kerana dikatakan sebagai syurga buat para pemancing. • <i>Detail:</i> Tarikan di kawasan “Ban Pecah”
30	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Extremely Full shot</i> • Kawasan pantai ini atau kawasan yang telah dibangunkan menjadi tarikan

	<ul style="list-style-type: none">semua pringkat umur bagi aktiviti riadah• <i>Detail:</i> Tarikan di kawasan “Ban Pecah”
31  <p>“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zhalim, sesungguhnya mereka mencuri api sepuah perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala” Surah An-Nisa: 10</p>	<ul style="list-style-type: none">• <i>Extremely Full shot</i>• Potongan ayat dari surah An-Nisa ayat 10 berkaitan dengan memakan harta anak yatim• <i>Detail:</i> Mesej yang ingin disampaikan

Produksi

Tempoh penggambaran yang melibatkan lima orang krew produksi mengambil masa selama 15 hari. Dari segi teknikal, sebanyak dua kamera digunakan iaitu “Nikon D5200” dan “Canon EOS 500D” dan satu tripod telah digunakan. Antara elemen yang perlu ada dalam produksi adalah seperti berikut:

Teknik Pencahayaan

Dalam proses pelaksanaan dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” ini, satu teknik pencahayaan telah digunakan iaitu pencahayaan semulajadi.

Visual

Dalam proses penggambaran ini, beberapa teknik shot telah digunakan. Antaranya *Establish Shot (ES)*, *Close Up (CU)*, *Medium Shot (MS)*, *Full Shot (FS)*, *Two Shot*, *Normal Angle*, *High Angle*, *Camera Track* dan *Camera Tilt Up*, *Camera Pan*.

Audio

Semasa proses penggambaran, pengacaraan menggunakan *clipmic* untuk memperbesarkan lagu suara dan menghilangkan *noise*. Suara latar (voice over) dirakam untuk menambahkan lagi penceritaan dokumentari ini. Pelbagai jenis muzik digunakan untuk menambahkan lagi *mood* dokumentari.

Talent

Seramai enam orang *talent* yang menjayakan penggambaran dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” ini.

Temubual dan Lokasi Penggambaran

Semasa peringkat ini juga penggambaran diselitkan dengan temubual bersama penduduk kampung dan pegawai Jabatan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian serta lokasi sekitar di kawasan “Ban Pecah” berdasarkan perancangan dalam papan cerita atau *Storyboard*. Penggambaran ini mengambil masa 15 hari. Ini kerana ia memerlukan masa dan kesabaran untuk membina kepercayaan dan menerbitkan dokumentari yang menarik perhatian dan memberi inspirasi kepada penonton.

Pasca Produksi

Proses penyuntingan dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” dijalankan selama tiga bulan. menggunakan *software Adobe Premiere Pro 6.0, After Effect CS6, Audition 5.0* dan *movie macker*. Selain itu, teknik pengacaraan, suara latar (VO) dan *sound effect* juga digunakan.

Penyuntingan dilakukan kepada dua bahagian iaitu *offline* dan *online*. Penyuntingan *offline* adalah sebahagian daripada proses pasca produksi rakaman mentah video dipindahkan, disalin dan disunting tanpa menjelaskan rakaman video tersebut. Manakala penyuntingan *online* pula adalah proses penyuntingan video linear pasca produksi yang dilakukan pada peringkat akhir penerbitan video. Ia berlaku selepas penyuntingan *offline*.

Tujuan penyuntingan adalah memilih gambar dan klip video yang baik, memindahkan klip video yang tidak dikehendaki, mewujudkan plot cerita dan jalan cerita, menambah kesan seperti grafik, muzik, bunyi dan lain-lain lagi, mengubah gaya dan *mood* seperti muzik dan kesan visual untuk mempengaruhi reaksi penonton dan menyediakan sudut yang menarik dari hasil rakaman video supaya video yang dipaparkan menyampaikan mesej tertentu kepada audien.

Jadual Pelaksanaan Penerbitan Dokumentari

Jadual pelaksanaan adalah elemen penting dalam penerbitan dokumentari. Ia mengandungi tiga bahagian iaitu jadual di pra produksi, produksi dan pasca produksi (lihat Jadual 2)

Jadual 2: Jadual Pelaksanaan Penerbitan Dokumentari

Pra Produksi	Produksi	Pasca Produksi
09 Oktober 2017 – 02 Januari 2018	01 Februari 2018 – 15 Februari 2018	22 Februari 2018 – 5 Jun 2018

Viral

Setelah produk dokumentari ini selesai diterbitkan, produk ini akan dimuatnaik dalam “YouTube Sintok Media”. Pautan ‘link YouTube’ ini digunakan untuk promosi kandungan video ini dengan menggunakan konsep ‘viral’ dan *#hashtag* di media sosial seperti “Facebook”, “Instagram”, “Twitter” dan “Whatsapp”. Konsep ini dipraktikkan untuk menaikkan jumlah penontonan dan statistik aliran sistem trafik “YouTube Sintok Media”.

Kesimpulan

Penerbitan dokumentari sumpahan “Ban Pecah” ini mempunyai titik asal yang telah digariskan sebagai satu panduan untuk menghasilkan sebuah dokumentari sejarah iaitu bertujuan untuk mendedahkan sejarah yang berlaku di Kampung Sungai Baharu sehingga satu kawasan yang dahulunya subur sehingga mendapat nama “Ban Pecah”. Sebuah kisah sumpahan anak yatim telah berlaku di satu kawasan Kampung Sungai Baharu sehingga merupakan sebuah bencana yang dahsyat berlaku sehingga kawasan sawah yang subur telah dilanda ombak yang besar sehingga menjadi laut. Kisah sumpahan ini telah menjadi bualan masyarakat terdahulu dan kini kisahnya kian ditelan zaman. Namun begitu, “Ban Pecah” semakin dikenali oleh masyarakat luar kerana keunikan dan keindahan kawasan untuk bersantai serta sesuai untuk semua peringkat umur. Oleh itu, proses produksi diteruskan hingga ke proses pacsa produksi.

Dokumentari ini dimuat naik melalui saluran “YouTube Sintok Media” (<https://www.youtube.com/watch?v=cI4ip2VAa8c&t=2s>) untuk dijadikan tatapan umum

kepada masyarakat sesuai dengan perkembangan media digital dan media sosial. Penerbitan ini juga ‘diviralkan’ di media sosial lain seperti Facebook, Twitter, Instagram dan WhatsApp untuk menaikkan jumlah penontonan dan statistik aliran sistem trafik “YouTube Sintok Media”.

Sehingga 21 Oktober 2019 sejumlah 1.03K *subscribers* atau individu yang melanggan video di “YouTube Sintok Media. Dari segi jumlah penontonan dokumentari “Sumpahan Ban Pecah” di “YouTube Sintok Media”, seramai 7,533 penonton yang telah menonton dokumentari ini. Ini diikuti pula 133 *likes* (100%) berbanding 7 *dislikes* (100%). Ini bermakna perbezaan peratusan *likes* vs *dislikes* adalah 95%. Selain itu, sejumlah 2,188 (100%) masa menonton (minit). Dari segi jenis peralatan teknologi menonton video ini dengan masa menonton (minit) didapati telefon pintar adalah 1,828 (83.5%), komputer 155 (7.1%), televisyen 126 (5.8%) dan tablet 79 (3.6%). Manakala 5,711 *impressions* dengan 7% *impressions click-through rate* (YouTube Sintok Media, 2019).

Berdasarkan statistik ini, ia menunjukkan bahawa perkembangan media sosial telah berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran media hari ini. Penyediaan kandungan digital perlu selari dengan arus perkembangan media. Pengajaran dan pembelajaran media perlu berubah dengan penyediaan kandungan digital berbantuan teknologi digital dan menerbitkan kandungan digital memenuhi selera khalayak digital yang menggunakan telefon pintar sebagai medium utama untuk menonton kandungan digital.

Rujukan

- Abdullah, A. R. (2000). *Filem dokumentari Melayu: Satu analisis terhadap bentuk, konsep dan perkembangan* (Doctoral dissertation, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya 1999/2000.).
- Ahmad Shaari. (nd). Apabila ombak menghakis pantai http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2009&dt=0701&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm. Diakses pada 1 Oktober 2017.
- Al Muzamil Mustaqim Alshaari. (2017). *Mee udang parit 30 Kuala Kurau Perak*. Menarik di Utara. <http://menarikdi.com/mee-udang-parit-30-kuala-kurau-perak/>. Diakses pada 15 Oktober 2017.
- Bernard, S. C. (2016). *Documentary storytelling: Creative nonfiction on screen* (4th ed.). New York: Focal Press.
- Broderick, F. (2018). *Documentary media: History, theory, practice* (2nd ed.). New York: Routledge Publishers.
- Desktop Documentaries. (2020). What is a documentary? Exploring the world of non-fiction film. <https://www.desktop-documentaries.com/what-is-a-documentary.html>. Diakses 26 Februari 2020.
- Ean, C. P. (1987). *The small purse seine fishery of Kampung Gajah, Penang and Tanjung Piandang, Perak*. Jabatan Perikanan.
- Gifreu, A. (2011). "The interactive multimedia documentary as a discourse on interactive non-fiction: for a proposal of the definition and categorisation of the emerging genre". [on line]. *Hipertext.net*, 9, 2011. <http://www.upf.edu/hipertextnet/en/numero-9/interactive-multimedia.html>
- Info Kampung Sungai Baharu. (2014). Sejarah Kampung Sungai Baharu. <http://jkksgbaharu.blogspot.com/2014/10/info-kampung-sungai-baharu.html>. Diakses pada 30 Oktober 2017.
- Kunchu, J. A. B., & Sarmidi, T. (2015). Sumpahan sumber alam dan modal insan: Satu penilaian semula. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 49(1), 83-92.

- Hazuki.R. (2017). Orang Perak. Sumpahan Anak Yatim Mitos Ban Pecah, Tanjung Piandang. <https://www.orangperak.com/sumpahan-anak-yatim-mitos-ban-pecah-tanjung-piandang.html>. Diakses pada 1 Oktober 2017.
- Nurshafizah Suhairi (Jun, 2018). ‘*Sumpahan Ban Pecah*’. Projek Ilmiah Tidak Diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Pearce, K. (April 27, 2016). Social media documentaries: Exploring the rise of the new influencers. <https://www.diygenius.com/the-new-social-media-influencers/>. Diakses pada 26 Februari 2020.
- Sejarah ‘Ban Pecah’ (2009). Tanjung Piandangku.<https://tanjungpiandangku.blogspot.com/2009/09/sejarah-banpecah.html>. Diakses pada 5 November 2017.
- Syurga Kaki Pancing Yang Sangat Cantik. (2018). Jalan-Jalan Makan Angin <https://www.facebook.com/permalink.php?id=1825313091055333&storyfbid=1992835540969753>. Diakses pada 9 April 2018.
- YouTube Sintok Media. (2019). Analytics dokumentari ‘Sumpahan Ban Pecah’. https://studio.youtube.com/video/cI4ip2VAa8c/analytics/tab-overview/period-4_weeks?utm_campaign=upgrade&utm_medium=redirect&utm_source=%2Fanalytics. Diakses 29 Mei 2019.